

KEKAL PRESTASI



AKSI Jun Hoong ketika melakukan terjunan.



RENANG & TERJUN
Tarikh : 5-10 April (Renang)
11-14 April (Terjun)
Venue : Pusat Renang Optus

Sasaran Renang
Tiada

Pencapaian Glasgow 2014
Tiada pingat

ATLET:

1. Welson Sim
2. Chan Jie Keith
3. Lim Kit Sern
4. Tern Jian Han
5. Caroline Chan Zi Xin

Sasaran Terjun
Tiada

Pencapaian Glasgow 2014

- 1 emas
- 2 perak
- 1 gangsa

ATLET:

1. Cheong Jun Hoong
2. Pandelega Rinong
3. Leong Mun Yee
4. Nur Dhabitah Sabri
5. Jasmin Lai Pui Yee
6. Kimberly Bong
7. Ooi Tze Liang
8. Gabriel Gilbert Daim
9. Hanis Nazirul Jaya
10. Surya Jellson Jabillin
11. Muhammad Syafiq Puteh
12. Chew Ywei
13. Ahmad Amsyar Azman

Kecederaan dihadapi Jun Hoong, Pandelega, Mun Yee resahkan kem negara

HARIAN METRO
22/3/2018
P.52

Aida Adilah Mat

aida_adilah@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Kejayaan Cheong Jun Hoong meruntuhkan tembok besar China untuk bergelar juara dunia meletakkan status penerjun negara dalam kelas tersendiri menjelang Sukan Komanwel di Gold Coast dari 4 hingga 15 April ini.

Namun, kehebatan penerjun dari England, Kanada dan Australia tidak boleh dipandang mudah.

Jika dilihat pencapaian empat tahun lalu ketika temasya di Glasgow 2014, England menguasai carta punggutan pingat de-

ngan meraih empat pingat emas diikuti Kanada (3) dan Australia (2) manakala Ooi Tze Liang menyumbangkan emas tunggal buat negara dalam acara 3 meter papan anjal.

Bagaimanapun, kemantapan gandingan Jun Hoong dan Pandelega Rinong menghadiahkan perak dalam acara 10 meter platform seirama dalam Siri Piala Dunia di Beijing baru-baru ini mencebahkan peluang negara memperbaiki pencapaian empat tahun lalu.

Namun, kecederaan Jun Hoong, Pandelega dan Leong Mun Yee sedikit meresahkan kem negara.

Setiausaha Kehormat Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM), Mae Chen berkata, kecederaan tiga penerjun itu ti-

dak begitu membimbangkan dan persediaan penerjun ketika ini dalam keadaan terbaik, sekali gus pihaknya yakin mereka mampu untuk mengekalkan prestasi empat tahun lalu.

Katanya, secara realistik penerjun akan cuba mengekalkan empat pingat yang diraih empat tahun lalu iaitu satu emas, dua perak dan satu gangsa.

Kelibat penerjun muda seperti Hanis Nazirul Jaya Surya dan Jellson Jabillin juga boleh diharapkan untuk melakukan kejutan biarpun prestasi Nur Dhabitah Sabri agak tidak menentu.

"Saya harap semua penerjun negara dapat mempersembahkan prestasi

terbaik nanti. Dhabitah biarpun dia tidak dapat beraksi dengan baik dalam dua Siri Piala Dunia baru-baru ini, situasi itu mungkin berubah di Komanwel nanti," katanya.

Sementara itu, lima penerjun diketuai Olimpian negara, Welson Sim Chan Jie, Tern Jian Han, Keith Lim dan perenang tunggal wanita, Caroline Chan akan menggalas cabaran negara di Gold Coast.

Berdasarkan catatan masa, sasaran untuk meraih pingat adalah mustahil.

Malah, jurulatih Paul Birmingham turut mengakui perkara itu kerana cabaran yang akan dihadapi penerang bukan mudah apabila mereka perlu berdepan dengan juara dunia dan Olimpik.

JUN Hoong (kiri) dan Pandelega Rinong menunjukkan pingat dimenangi mereka.

